



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 4/2021**

27 APRIL 2021, SELASA

09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN, BANGUNAN LAMA MPS

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.4/2021 bagi bulan April** pada pagi yang berbahagia ini.

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2021 SEMPENA AIDILFITRI

2. Pertamanya, ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sempena Aidilfitri yang diumumkan pada baru-baru ini.
3. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah mengumumkan khabar gembira ini dengan pemberian sebanyak setengah bulan gaji atau minimum sebanyak RM1,000.00 kepada semua penjawat awam Negeri Selangor.
4. Diharapkan dengan pemberian insentif raya ini dapat digunakan sebaiknya oleh kakitangan dengan berhemah dalam kita menghadapi pandemik Covid-19.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

5. Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM44.76 juta (82.89%) daripada RM54 juta.
6. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM3.81juta (46.79%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
7. MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 Mac 2021. Sebanyak 87,799 notis dikeluarkan dan tempoh tamat pada 15 April 2021. Tindakan waran tahanan bernilai RM100.00 akan dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 16 April 2021.
8. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

9. MPS juga telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Perdana Kempen Daftar, Bayar dan Menang MPS 2021 pada 27 Mac 2021 di Lobi Menara MPS. Sebanyak 72 pemilik akaun yang bertuah telah dipilih untuk memenangi hadiah utama sebuah kereta perodua Axia serta 6 buah motosikal Modenas dan barangan elektrik .

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENDENGARAN AWAM BAGI DRAFT RANCANGAN TEMPATAN MPS 2030.

10. Pada 30 April 2021 ini, MPS akan mengadakan Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Pendengaran Awam bagi Draf Rancangan Tempatan MPS 2030. Majlis perasmian ini dijangka akan disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Le Gardens Pavilion, Gamuda Gardens, Kuang. Selain itu, pameran program publisiti dan penyertaan awam pula akan diadakan di MPS, Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) dan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bermula 30 April sehingga 31 Mei 2021.

11. Untuk makluman semua, Rancangan Tempatan sedia ada merupakan cadangan pembangunan sehingga tahun 2020 dan memerlukan penggantian untuk tempoh jangka masa 10 tahun akan datang selaras

dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri terkini yang dirangka dalam Rancangan Struktur Negeri 2035.

12. Penyediaan Draf Rancangan Tempatan MPS Penggantian 2030 ini akan membantu MPS ke arah pembentukan perancangan serta halatuju untuk menjadi sebuah majlis perbandaran yang mampan, berteknologi dan berdaya saing serta seimbang ke arah kelestarian, masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.
13. Jadi, saya menyeru kepada seluruh penduduk perbandaran Selayang untuk melibatkan diri dengan mengemukakan pandangan, cadangan atau bantahan dari semua pihak bagi menambahbaik pelan ini sebelum diwartakan.

MAKLUM BALAS BELANJAWAN MPS 2022

14. Untuk makluman semua, MPS telah menerima sebanyak 304 responden bagi memberi pandangan serta input untuk proses penyediaan belanjawan MPS tahun 2022. Justeru, semalam telah diadakan sesi perbincangan di Bilik Siantan bagi semakan input respond penduduk bersama para pengarah mengikut 4 kategori maklum balas orang awam iaitu infrastruktur, perkhidmatan, kemudahan awam dan sosial kemasyarakatan.

15. Saya berharap agar maklum balas yang diterima ini dapat digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan sesuatu dasar, program atau projek pembangunan kerajaan dan dapat memberi faedah yang maksima kepada masyarakat di perbandaran Selayang.

PEMATUHAN SOP DI TAPAK BAZAR RAMADAN 2021

16. Sepanjang 15 hari bazar Ramadan beroperasi, MPS telah membuat pemantauan pematuhan SOP kepada pengelola, peniaga dan para pengunjung bazar pada setiap hari. Dikesempatan ini, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pelesenan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan yang mana telah membuat tinjauan SOP dan pemeriksaan kesihatan dan kebersihan berkaitan pengendalian makanan bagi memastikan keselamatan para pengunjung ke bazar.
17. Untuk makluman semua, saya dan Tuan Haji Cheremi sendiri telah turun padang bersama jabatan berkaitan di beberapa lokasi seperti di Taman Tun Teja, Rawang, Bandar Baru Rawang, Bandar Baru Selayang, Selayang Baru dan Bandar Tasik Puteri bagi membuat pemantauan.

18. MPS juga telah mengeluarkan satu notis tutup Bazar Ramadan Greenwood dari 22 hingga 24 April 2021 kerana tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Antara kesalahan iaitu tidak mematuhi jarak antara khemah peniaga, kawalan masuk dan keluar tidak dipatuhi sepenuhnya dan terdapat peniaga yang menjual selain daripada makanan dan minuman bermasak sahaja. Walaubagaimanapun, bazar ini telah dibuka kepada pengunjung pada 25 April yang lalu.

19. Jadi, saya berharap agar semua penganjur dan pengelola di semua bazar ramadan dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan termasuklah SOP tambahan yang telah dimaklumkan pada sesi taklimat yang lepas. Seperti semua maklum, SOP tambahan yang perlu dipatuhi oleh para pengunjung ialah penggunaan kad nombor giliran bagi mengawal jumlah kemasukan pengunjung dalam satu-satu masa, mewujudkan laluan sehalu di dalam bazar dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas 65 tahun ke atas tidak dibenarkan untuk ke bazar. Semoga usaha ini dapat memutuskan rantai penularan wabak Covid 19 di Selangor.

UCAPAN HARI NUZUL AL-QURAN 1442H DAN SELAMAT HARI PEKERJA

20. Bersempena dengan Hari Nuzul Al-Quran yang akan disambut pada hari Khamis ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut dan menghayati Hari Nuzul Al-Quran kepada semua muslimin dan muslimat. Marilah kita menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam setiap urusan kehidupan kita. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja MPS. Saya berharap kita semua dapat meningkatkan lagi produktiviti dan integriti masing-masing.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 1442H/2021M

21. Bersempena perayaan Aidilfitri yang bakal kunjung tiba tidak lama lagi, saya ingin berpesan kepada semua Ahli Majlis, pengarah dan kakitangan MPS serta semua warga Perbandaran Selayang yang beragama Islam agar sentiasa menjaga kesihatan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan ketika menyambut hari raya.
22. Saya turut mendoakan agar sambutan hari raya pada tahun ini, dapat kita semua menyambut dalam suasana penuh gembira dan bahagia.
23. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk memohon kemaafan sekiranya saya ada membuat silap dan salah, mengguris hati tuan puan

sepanjang saya menjalankan tugas. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh